



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Warga emas kena tipu RM1.8j
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 20 December 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 21

Warga emas kena tipu RM1.8j

Diperdaya ahli sindiket Macau Scam dakwa mangsa terbabit jenayah

Oleh Nor Azidah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang wanita warga emas berusia 66 tahun rugi RM1.8 juta selepas menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai kakitangan Pos Laju dan pegawai polis.

Mangsa yang menyedari tertipu melaporkan kejadian itu kepada polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, dekat sini, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor,

Asisten Komisioner Muhammad Yazid Muhammad Yew, berkata siasatan mendapati mangsa menerima panggilan telefon daripada pihak mengaku daripada Pos Laju pada April lalu.

Katanya, mangsa yang juga bekas ahli perniagaan dimaklumkan ada bungkusan atas nama pengadu yang mengandungi kad ATM dan kad pengenalan.

"Mangsa menafikan perkara ini sebelum panggilan disambung ke 'Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah' kononnya untuk membuat

laporan polis.

"Seorang suspek yang menyamar sebagai pegawai polis mendakwa mangsa mempunyai rekod pembabitan dalam kes pengubahan wang haram dan penipuan," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Muhammad Yazid berkata, mangsa menafikan terbabit kegiatan itu dan suspek mengarahkannya memindahkan wang simpanan serta membuat pembayaran percabaran ke akaun bank yang diberi kononnya untuk tujuan siasatan.

"Akibat takut ditahan, mangsa mengikut setiap arahan yang diberikan suspek dan membuat pemindahan wang secara berpering-



Muhammad Yazid Muhammad Yew

kat ke 29 akaun bank berlainan dengan jumlah keseluruhan RM1.8 juta.

"Lebih menyedihkan, sebahagian daripada wang yang dipindahkan itu dipinjam mangsa dari-

pada saudara mara dan rakan-nya," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Selain itu, katanya, pihaknya memberikan amaran kepada individu yang mengambil jalan mudah menjadi 'keldai akaun' dengan menjual atau menyewakan akaun bank mereka kepada sindiket penipuan.

"Tanpa pembabitan mereka (keldai akaun), kes seperti ini tidak akan berlaku kerana sindiket tidak mempunyai medium bagi membuat pemindahan wang.

"Mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 424 Kanun Keseksaan," katanya.